

D740

B B543 AAB
MAHATHIR - SINGAPURA
(I)

JOHOR BAHRU, 20 NOV (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENGAWASI +PERKEMBANGAN TERBARU+ MENGENAI HUBUNGANNYA DENGAN SINGAPURA DAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN SEWAJARNYA APABILA PERLU, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

+SAYA AKAN MENGAWASI SEBARANG KESAN LAWATAN PRESIDEN NEGARA ZIONIS CHAIM HERZOG KE SINGAPURA TERHADAP PERDAGANGAN, POLITIK DAN SOSIAL. SELEPAS ITU, BARULAH KERAJAAN AKAN MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI TINDAKAN SELANJUTNYA,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI MENGULAS BANTAHAN KERAJAAN DAN RAKYAT MALAYSIA TERHADAP LAWATAN PRESIDEN NEGARA ZIONIS ITU KE SINGAPURA.

BELIAU MENYANGKAL DAKWAAN BAHAWA HUBUNGAN KUALA LUMPUR-SINGAPURA KINI +TEGANG+ TETAPI BERKATA HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA SEKARANG TIDAKLAH BAIK SEPERTI DAHULU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK DIBERITAHU LEBIH AWAL OLEH PIHAK BERKUASA SINGAPURA MENGENAI LAWATAN ITU. -- LAGI
1941MST 20 11 86

D741

B B547 AAB
MAHATHIR - SINGAPURA 2 JOHOR BAHRU
(I)

+MEREKA MUNGKIN TELAH MEMBERITAHU WISMA PUTRA. TETAPI SAYA TIDAK INGAT SAMA ADA DIBERITAHU MENGENAINYA... SAYA MENGETAHUI LAWATAN ITU HANYA MELALUI AKHBAR, + KATA PERDANA MENTERI.

KATA PERDANA MENTERI, PERKARA ITU TIDAK DITIMBULKAN DALAM PERBINCANGAN DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI SINGAPURA LEE KUAN YEW SEMASA PERDANA MENTERI REPUBLIK ITU MELAWAT MALAYSIA BARU-BARU INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERCAKAP KEPADA PEMBERITA PADA AKHIR LAWATAN SEHARINYA KE JOHOR.

SEMASA BERADA DI SINI, BELIAU MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL DAN UMNO NEGERI SERTA KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK BERCADANG MENEMUI PERDANA MENTERI SINGAPURA ITU PADA MASA-MASA AKAN DATANG. -- LAGI
1943MST 20 11 86

D742

B B549 AAB
MAHATHIR - SINGAPURA 3 JOHOR BAHRU
(I)

MENGENAI MEMORANDUM YANG DISERAHKAN OLEH KUMPULAN ANTI-ZIONIS KEPADA KERAJAAN MENDESAKNYA BERTINDAK TERHADAP REPUBLIK ITU, PERDANA MENTERI BERKATA:

+KERAJAAN MENERIMA BANYAK MEMORANDUM TERMASUK YANG DITERIMA DARIPADA JAWATANKUASA BERTINDAK RAKYAT MALAYSIA CAWANGAN JOHOR HARI INI DAN KANDUNGANNYA HAMPIR SAMA DENGAN MEMORANDUM LAIN.+

BERHUBUNG DENGAN DESAKAN KUMPULAN TERTENTU SUPAYA KERAJAAN MENGGAKSI SEMULA PERJANJIAN BEKALAN AIR DENGAN SINGAPURA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BELUM MENCAPAI PERINGKAT ITU.

MENGENAI SAMA ADA ISU LAWATAN ITU AKAN BERLARUTAN BERMINGGU-MINGGU ATAUPUN BERBULAN-BULAN, PERDANA MENTERI BERKATA PERKEMBANGAN SELANJUTNYA BERGANTUNG KEPADA REAKSI ANTARA SATU SAMA LAIN (MALAYSIA DAN SINGAPURA).

SEMASA MENGULAS KENYATAAN SEORANG MENTERI KANAN SINGAPURA BAHAWA NEGARA-NEGARA ARAB JUGA KINI MAHU BERSAHABAT DENGAN NEGARA YAHUDI ITU, BELIAU BERKATA:

+MENTERI ITU BEBAS MENYUARAKAN PANDANGANNYA, KAMI TIDAK MEMPERDULIKAN WALAU APA PUN PANDANGANNYA.+ -- LAGI
1945MST 20 11 86

D743

B 8555 AAB
MAHATHIR - SINGAPURA 4 JOHOR BAHRU
(1)

PERDANA MENTERI MENEGASKAN ISU ITU TIDAK AKAN MENJEJASKAN PERSIDANGAN KEMUNCAC ASEAN DI MANILA TAHUN DEPAN SAMBIL MENYATAKAN +PERSIDANGAN KEMUNCAC ASEAN IALAH PERSIDANGAN KEMUNCAC ASEAN. SAYA TIDAK FIKIR ISU ITU AKAN MENJEJASKANNYA.+

MENGENAI PENJUALAN GAS KEPADA SINGAPURA SEPERTI YANG DICADANGKAN, BELIAU BERKATA +KERAJAAN SEDANG MENGAJI SAMA ADA HENDAK MENJUALNYA ATAUPUN TIDAK DAN LAGIPUN PERJANJIAN MENGENAINYA BELUM DITANDATANGANI.+

+SINGAPURA HANYA MENYATAKAN HASRATNYA UNTUK MEMBELI GAS DARI MALAYSIA DAN MALAYSIA JUGA MELAHIRKAN HASRAT UNTUK MENJUALNYA KEPADA SINGAPURA JIKA REPUBLIK ITU BERSEDIA MEMBELINYA.+

MENGENAI MENGAPA KERAJAAN LAMBAT BERTINDAK MEMBANTAH LAWATAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +SAYA TIDAK BERFIKIR DEMIKIAN.

+KERAJAAN PERLU MENGETAHUI PERASAAN RAKYAT MENGENAI ISU ITU DAN MEMANDANGKAN RAKYAT MEMBANTAHNYA, MAKA KERAJAAN HARUS MEMENUHI KEHENDAK RAKYAT,+ KATA BELIAU. -- LAGI

1946MST 20 11 86

D765

B 8565 AAB
MAHATHIR - SINGAPURA 5 JOHOR BAHRU
(1)

MENGENAI DAKWAAN BAHAWA SINGAPURA MUNGKIN MEMBATALKAN LAWATAN ITU JIKA MALAYSIA MENYATAKAN PENDIRIANNYA LEBIH AWAL, BELIAU BERKATA: +SAYA TIDAK TAHU. MEMANGLAH MUDAH MENYATAKAN PANDANGAN SELEPAS SESUATU PERKEMBANGAN BERLALU.+

BERHUBUNG PENDIRIAN MALAYSIA TERHADAP FIJI DAN TONGA IAITU DUA NEGARA YANG MEMPUNYAI PERJANJIAN TEKNIKAL DENGAN MALAYSIA YANG JUGA DILAWATI OLEH HERZOG, PERDANA MENTERI BERKATA +KITA MEMANDANG SERIUS HUBUNGAN DENGAN NEGARA.+

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERBINCANGANNYA DENGAN PEMIMPIN BARISAN NASIONAL DAN UMNO NEGERI SERTA KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN BERHASIL.

KATA PERDANA MENTERI, BELIAU MENJELASKAN KEPADA MEREKA MENGENAI MASALAH EKONOMI NEGARA DAN CARA-CARA UNTUK MENGATASINYA.

PERDANA MENTERI DAN ISTERI BERLEPAS KE MELAKA PETANG INI UNTUK MEMULAKAN LAWATAN KE NEGERI ITU. -- BERNAMA

2024MST 20 11 86